KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
(MINISTRY OF RURAL AND REGIONAL DEVELOPMENT)
No. 47, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA

Telefon : 603 - 8891 2000
Telefax : 603 - 8888 2357
Web : http://www.rurallink.gov.my

Rujukan Kami : KKLW.PER(S).100-4/10 Jld2 (10)
Tarikh : 27 September 2013

Seperti Senarai Edaran

Tuan/Puan,

KUASA MELULUSKAN PENGANJURAN MAJLIS/ACARA RASMI KERAJAAN SECARA PAKEJ DAN PERKHIDMATAN KATERING BAGI JAMUAN KERAIAN RASMI KERAJAAN SELARAS DENGAN SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 4 TAHUN 2013

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sebagai makluman Tuan/Puan, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 16 Tahun 2002 mengenai tatacara perolehan secara rundingan terus bagi membekal dan menyediakan makanan / minuman untuk majlis jamuan rasmi / acara khas kerajaan telah dikeluarkan pada 6 November 2002 yang menurunkan kuasa kepada Pegawai Pengawal untuk meluluskan perolehan perolehan bernilai sehingga RM100,000 secara rundingan terus dengan syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan bagi membekal atau menyediakan makanan/minuman untuk majlis jamuan rasmi/acara khas Kerajaan.

3. Selaras dengan konsep *let managers manage* dan sebagai langkah mempercepatkan proses perolehan, Kementerian Kewangan telah meminda SPP Bil.16 tahun 2002 tersebut dan menggantikannya dengan SPP Bil.4 tahun 2013.

4. Antara lain SPP berkenaan menetapkan bahawa Agensi Kerajaan dibenarkan untuk melaksanakan perolehan secara rundingan terus bagi bagi membekal dan menyediakan makanan / minuman untuk majlis

jamuan rasmi / acara khas kerajaan dan diluluskan mengikut had nilai oleh kuasa melulus yang ditetapkan. Bagi tujuan tersebut, satu Jawatankuasa Penilaian bagi penganjuran majlis / acara rasmi kerajaan secara pakej dan jamuan keraian rasmi kerajaan diwujudkan bagi menilai kemampuan penyedia perkhidmatan, syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi dan memperakukan penyedia perkhidmatan yang layak kepada pihak berkuasa melulus. SPP Bil. 4 tahun 2013 adalah seperti yang disertakan.

5. Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa kuasa melulus perolehan perkhidmatan bagi penganjuran majlis / acara rasmi kerajaan secara pakej dan jamuan keraian rasmi kerajaan bagi semua Bahagian, Pejabat Cawangan Negeri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan Institut Kemajuan Desa (INFRA) adalah seperti berikut:

Bil	Had Nilai (Bagi Setiap Pakej)	Kuasa Melulus	Tanggungjawab
i.	Sehingga RM50,000	Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan)	Memastikan semua urusan berkaitan pelantikan penyedia kemudahan latihan mematuhi dasar dan prinsip-prinsip perolehan Kerajaan serta amalan tadbir urus baik.
ii.	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga KKLW	
iii.	Melebihi RM500,000	Lembaga Perolehan B KKLW	

6. Jawatankuasa Penilaian bagi penganjuran majlis / acara rasmi kerajaan secara pakej dan jamuan keraian rasmi kerajaan yang diluluskan oleh YBhg. Dato' KSU selaku Pegawai Pengawal adalah seperti berikut:

Pengerusi:	**SUB(PER)**
Ahli 1:	**SUB(P)/wakil**
Ahli 2:	**SUB(KEW)/wakil**
Ahli 3:	**SUB(PSM)/wakil**
Urus setia	**Bahagian PER**

Nota : Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi

7. Oleh yang demikian, semua permohonan bagi perkhidmatan penganjuran majlis / acara rasmi kerajaan secara pakej dan jamuan keraian rasmi kerajaan hendaklah dikemukakan kepada urus setia Jawatankuasa Penilaian berkenaan sebelum diperakukan kepada pihak berkuasa melulus yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HAJI HABIB ZAM ZAM BIN HAJI AB LATIFF)
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
Tel : 03-88915733

Senarai Edaran Dalaman :

SUB (R)

SUB (PP)

SUB (BI)

SUB (KI)

SUB (PE)

SUB (PSA)

SUB (KR)

SUB (TW)

SUB (PSM)

SUB (KEW)

SUB (P)

SUB (ICT)

SUB (Teknikal)

KU (UKK)

KU (UAD)

KU (NKRA)

PUU

Semua pegawai dan kakitangan PER

Senarai Edaran Luaran :

Pengarah
Institut Kemajuan Desa (INFRA)
Lot 2A, Persiaran Institusi
Bandar Baru Bangi
43000 Bangi
SELANGOR DARUL EHSAN
Faks : 03-8926 5901

PCN KKLW

Pengarah
Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek
Cawangan Negeri Perak
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
Blok B, Tingkat 2,
Bangunan Persekutuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh, PERAK
Tel : 05-2411 063
Faks : 05-2411 068

Pengarah
Pejabat KKLW Cawangan Negeri Kedah/Perlis/
Pulau Pinang
Tingkat 7, Wisma Persekutuan
Jalan Kampung Baru
05000 Alor Setar, KEDAH
Tel : 04-7314957
Faks : 04-7314956

Pengarah
Pejabat KKLW Cawangan Negeri Melaka /N.Sembilan
No 255 & 256, Jalan Haruan 5/7
Pusat Komersial Oakland, Seremban 2
70300 Seremban, Negeri Sembilan.

Pengarah
Pejabat KKLW Cawangan Negeri Johor
Tingkat 5, Bangunan KWSP
Jalan Dato' Dalam,
80000 Johor Bahru, JOHOR
Tel : 07 2266407/08
Faks : 07 2266409

Pengarah
Pejabat KKLW Cawangan Negeri Pahang
Pejabat RISDA Negeri Pahang
Aras 4, Blok B, Lot 7876
Jalan Haji Junid
25200 Kuantan, PAHANG
Tel : 09-5163251
Faks : 09-5163249

Pengarah
Pejabat KKLW Cawangan Negeri Terengganu
No. 23, Tingkat 1, PT3158
Pusat Niaga Paya Keladi, Jalan Paya Keladi
20100 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel : 09-6305011/13
Faks : 09-6305010

Pengarah
Pejabat KKLW Cawangan Negeri Kelantan
Bangunan FELCRA Berhad
Tingkat 1, Lot 145 & 146
Seksyen 25, Jalan Sultan Yahya Petra
Peti Surat 152
15710 Kota Bahru, KELANTAN
Tel : 09-7480960
Faks : 09-7480961

Pengarah
Pejabat KKLW Cawangan Negeri Sarawak
Lot 2333, Tingkat 1 & 2, Bormill Estate Commercial Centre
Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce
Peti Surat 3206
93762 Kuching, SARAWAK
Tel : 082-258813
Faks : 082-253811

Pengarah
Pejabat KKLW Cawangan Negeri Sabah
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
Tingkat 2, Blok C Bangunan KWSP
88100 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-254316
Faks : 088-254349

S/K.KEW/PK/PP/1100/000000/10/31 Jld. 35 SK.2 (4)

KEMENTERIAN KEWANGAN

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 4 TAHUN 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

TATACARA PEROLEHAN BAGI PENGANJURAN MAJLIS/ACARA RASMI KERAJAAN DAN JAMUAN KERAIAN RASMI KERAJAAN

TUJUAN

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun (Agensi) mengenai tatacara perolehan secara rundingan terus bagi perolehan perkhidmatan penganjuran majlis atau acara rasmi Kerajaan secara pakej dan perkhidmatan katering bagi jamuan keraian rasmi Kerajaan.

LATAR BELAKANG

2. Pegawai Pengawal telah diturunkan kuasa untuk menimbang dan meluluskan perolehan membekal dan menyediakan makan/minuman untuk Majlis Jamuan Rasmi/Acara Khas Kerajaan yang bernilai sehingga RM100,000 secara rundingan terus dengan syarikat Bumiputera berdaftar dengan Kementerian Kewangan atau dengan mana-mana hotel tempatan. Selaras dengan konsep *let managers manage* dan sebagai langkah mempercepatkan proses perolehan, Perbendaharaan telah bersetuju untuk mengkaji semula peraturan tersebut.

TAKRIFAN

3. Bagi maksud pemakaian SPP ini:

i. "Majlis/acara rasmi Kerajaan" adalah ditafsirkan sebagai mesyuarat/ persidangan/konvensyen yang diadakan di peringkat Antarabangsa/Kebangsaan/ Kementerian/Jabatan, meraikan pelawat iaitu orang-orang kenamaan atau rombongan rasmi dari dalam atau luar Negara yang diakui terwajib diraikan secara rasmi berkaitan dengan urusan Kerajaan, acara pelancaran atau pembukaan rasmi serta penutup sesuatu projek/pertandingan oleh Kementerian/Jabatan.

ii. "Pakej" ditakrifkan sebagai perolehan yang merangkumi kombinasi daripada mana-mana item bagi menganjurkan majlis/acara rasmi Kerajaan dan jamuan keraian

rasmi Kerajaan seperti penginapan, makan minum, sewaan dewan/bilik mesyuarat, penyewaan peralatan dan kemudahan lain yang berkaitan.

iii. "Katering" ditakrifkan sebagai perkhidmatan penyediaan makanan bagi majlis jamuan yang diuruskan oleh Agensi tanpa melibatkan penginapan atau sewaan dewan/ khemah serta peralatan seperti kerusi, meja, perhiasan dan alat siaraya.

4. SPP ini tidak terpakai bagi tujuan kursus dan latihan.

KAEDAH DAN HAD NILAI PEROLEHAN

5. Perbendaharaan bersetuju membenarkan Agensi untuk menguruskan perolehan perkhidmatan penginapan, makan minum, sewaan dewan/bilik mesyuarat, sewaan peralatan dan kemudahan lain yang berkaitan secara pakej atau katering bagi penganjuran majlis/acara rasmi Kerajaan dan jamuan keraian rasmi Kerajaan secara rundingan terus dan hendaklah diputuskan oleh pihak berkuasa melulus seperti berikut:

Bil	Had Nilai (bagi setiap majlis)	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM50,000	Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal
ii.	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga
iii.	Melebihi RM500,000	Lembaga Perolehan Agensi (mengikut had nilai yang ditetapkan)

SYARAT-SYARAT PEROLEHAN

6. Agensi hendaklah memastikan syarat-syarat seperti berikut dipatuhi sebelum perolehan dilaksanakan:-

Kajian Pasaran

i. Kajian pasaran hendaklah dibuat terlebih dahulu bagi mendapatkan harga tawaran yang paling menguntungkan Kerajaan dan tidak tertumpu kepada satu penyedia perkhidmatan sahaja serta hendaklah memberi peluang kepada syarikat-syarikat lain yang berkelayakan untuk menyertai perolehan tersebut;

Perkhidmatan Secara Pakej Bagi Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan

ii. Keutamaan hendaklah diberikan seperti berikut:-

a) hotel/pusat konvensyen yang dimiliki oleh Agensi Kerajaan atau anak-anak syarikatnya. Hotel/pusat konvensyen yang dimiliki oleh Agensi Kerajaan atau anak-anak syarikatnya adalah dikecualikan daripada berdaftar dengan Kementerian Kewangan; dan

b) hotel yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang 222501 - Hotel/Resort atau syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

Perkhidmatan Katering Bagi Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan

iii. Agensi adalah digalakkan untuk mengatur jamuan keraian rasmi di pejabat secara katering. Keutamaan hendaklah diberi kepada syarikat/hotel yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang 040103 (Makanan Bermasak Islam) di dalam kawasan/daerah berkenaan untuk menyediakan perkhidmatan katering;

Kadar Kelayakan

iv. Kadar penginapan, makan minum peserta dan urus setia serta jamuan keraian rasmi Kerajaan hendaklah tidak melebihi kadar kelayakan semasa yang berkuat kuasa dan kadar yang ditetapkan bagi *host* jamuan berkenaan;

v. Kelulusan daripada Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan, Kementerian Kewangan hendaklah diperoleh terlebih dahulu sekiranya penganjuran majlis/katering **melebihi kadar kelayakan** semasa yang berkuat kuasa;

Lain-lain

vi. Bagi perolehan pakej perkhidmatan penganjuran majlis/acara rasmi Kerajaan dan jamuan keraian rasmi Kerajaan yang bernilai sehingga RM50,000 boleh dilaksanakan dengan mana-mana pembekal yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan;

vii. Kekerapan mengadakan Majlis/Keraian Rasmi hendaklah dihadkan kepada aktiviti-aktiviti rasmi yang dianggap penting dan perlu sahaja; dan

viii. Pelantikan pengurus acara (*event manager*) adalah tidak dibenarkan.

JAWATANKUASA PENILAIAN

7. Agensi hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Penilaian dengan keahlian hendaklah terdiri daripada tiga (3) orang iaitu seorang pengerusi dan dua (2) orang ahli, di mana sekurang-kurang seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.

8. Tanggungjawab Jawatankuasa adalah seperti berikut:

i. Memastikan syarat-syarat yang dinyatakan di perenggan 6 dipatuhi;

ii. Menilai kemampuan syarikat/hotel/pusat konvensyen dengan mengambil kira faktor-faktor seperti syarat dan kadar pembayaran, diskaun, harga pasaran terbuka, keupayaan penyedia kemudahan dan lain-lain kriteria yang ditetapkan oleh Agensi. Perbandingan antara satu tawaran dengan tawaran yang lain hendaklah dibuat berasaskan kepada faktor atau unsur yang sama (*equal footing*); dan

iii. Memperakukan pemilihan syarikat/hotel/pusat konvensyen yang layak kepada pihak berkuasa melulus berdasarkan tawaran yang terbaik dari segi harga dan kualiti mengikut keperluan Agensi.

PENGECUALIAN

9. Bagi perolehan penganjuran majlis/acara rasmi Kerajaan dan jamuan keraian rasmi Kerajaan, Agensi diberi pengecualian untuk perkara-perkara berikut:

Bon Pelaksanaan

i. Perbendaharaan bersetuju memberi pengecualian kepada Agensi daripada mengenakan Bon Pelaksanaan kepada penyedia pakej perkhidmatan penganjuran majlis/acara rasmi Kerajaan dan penyedia perkhidmatan katering untuk jamuan keraian rasmi Kerajaan tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai;

Kontrak Formal

ii. Agensi dikecualikan daripada mengadakan kontrak formal bagi perolehan pakej perkhidmatan penganjuran majlis/acara rasmi Kerajaan dan perkhidmatan katering untuk jamuan keraian rasmi Kerajaan yang dilaksanakan secara *one off*. Walau bagaimanapun syarat-syarat dan terma-terma bagi perkhidmatan tersebut hendaklah dinyatakan dengan jelas bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara dan dilampirkan bersama Pesanan Kerajaan; dan

Pesanan Kerajaan

iii. Bagi perolehan pakej perkhidmatan penganjuran majlis/acara rasmi Kerajaan dan perkhidmatan katering untuk jamuan keraian rasmi Kerajaan, Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan sebelum perolehan dilaksanakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 176.1(d) atau (e) atau selewat-lewatnya dalam tempoh satu (1) minggu selepas perkhidmatan diterima. Pegawai Pengawal hendaklah mengambil tindakan ke atas pegawai-pegawai yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

10. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perkara-perkara berikut dipatuhi:-

i. Menentukan pelaksanaan majlis atau acara rasmi mematuhi sepenuhnya semua peraturan Kewangan termasuk kadar kelayakan dan keraian semasa yang berkuat kuasa;

ii. Memastikan peruntukan telah diluluskan dan mencukupi sebelum sesuatu perolehan itu dilaksanakan;

iii. Memastikan perbelanjaan yang terlibat dalam penganjuran majlis atau acara rasmi Kerajaan dibuat secara sederhana dan dihadkan kepada yang benar-benar penting tanpa melibatkan perbelanjaan yang keterlaluan untuk mengelakkan pembaziran wang awam; dan

iv. Mengambil tindakan selaras dengan AP 59 sekiranya pegawai-pegawai yang menguruskan perolehan gagal mematuhi peraturan semasa yang ditetapkan.

11. Unit Audit Dalam Agensi adalah dikehendaki memantau pelaksanaan perolehan yang dilakukan agar mematuhi peraturan dan prosedur perolehan semasa yang ditetapkan.

KUAT KUASA

12. SPP ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling lain yang berkaitan.

PEMBATALAN

13. Dengan berkuat kuasanya SPP ini, SPP Bil. 16 Tahun 2002 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Bin Abdullah)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan

6 Ogos 2013

s.k. Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri